



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**TINDAKAN PENGUATKUASAAN OLEH PIHAK KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA BERKAITAN ISU TULAR PELAJAR MENGHISAP ROKOK
ELEKTRONIK**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius isu yang telah dibangkitkan oleh badan-badan professional dan badan-badan bukan kerajaan serta isu yang tular di media sosial berkaitan pelajar sekolah yang terlibat di dalam aktiviti menghisap rokok elektronik. KKM ingin memaklumkan bahawa satu tindakan operasi bersepadu telah dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (BPF), Ibu Pejabat KKM bersama bersama Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam (Sektor Inspektorat dan Perundangan) di seluruh negara pada 20 Ogos 2019.

Penguatkuasaan yang telah dijalankan berkaitan isu pelajar sekolah menghisap rokok elektronik adalah dengan menggunakan Peruntukan di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 iaitu kesalahan menjual cecair atau sebarang persediaan yang mengandungi nikotin sebagai bahan yang tidak didaftarkan sebagai ubat dan Akta Makanan 1983 (Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004) Peraturan 13 iaitu larangan penggunaan dan pemilikan tembakau termasuk rokok elektronik di kalangan orang belum dewasa. Operasi ini dilaksanakan hasil aduan dan maklumat yang diterima oleh pihak KKM berkenaan penjualan cecair rokok elektronik yang mengandungi nikotin kepada pelajar sekolah.

Di dalam operasi tersebut sebanyak **78 premis penjual** telah diperiksa dan BPF telah merampas **cecair rokok elektronik yang disyaki mengandungi Nikotin sebanyak 66,988 botol atau bekas**. Jumlah keseluruhan rampasan cecair rokok elektronik bagi pemeriksaan ini dianggarkan bernilai **RM 1.4 juta**. Sebarang persediaan yang mengandungi Nikotin merupakan Racun Kumpulan C adalah dikawal di bawah Akta Racun 1952. Oleh yang demikian, pembekalan dan penjualan

sebarang persediaan yang mengandungi Nikotin hanya dibenarkan oleh Ahli Farmasi yang berlesen dan Pengamal Perubatan berdaftar bagi tujuan rawatan.

Di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, sebarang persediaan yang mengandungi Nikotin perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah. Pengilangan, pemilikan dan penjualan produk yang tidak berdaftar adalah melanggar Peraturan 7(1)(a), Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan merupakan satu kesalahan di bawah Peraturan 30(1) peraturan yang sama yang boleh dihukum di bawah Seksyen 12(1) Akta Jualan Dadah 1952.

Kesemua kes akan disiasat di bawah Seksyen 13 Akta Racun 1952 dan jika didapati bersalah boleh dihukum di bawah Seksyen 32(2) Akta yang sama iaitu denda tidak melebihi RM 3,000 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya.

Sementara itu di bawah Peraturan 13 berkaitan larangan merokok termasuk rokok elektronik terhadap Orang Belum Dewasa (berumur 18 tahun ke bawah), tiada sebarang notis kesalahan dikeluarkan. Namun begitu, kesalahan-kesalahan lain yang berkaitan di bawah PPKHT 2204 juga diambil tindakan di mana sebanyak 4 notis kesalahan di bawah Peraturan 12(1)(a) iaitu tiada tanda larangan merokok di dalam premis dan 3 notis kesalahan di bawah Peraturan 14(1) iaitu tiada tanda larangan menjual hasil tembakau kepada Orang Belum Dewasa telah dikeluarkan.

Adalah diingatkan di bawah Peraturan 13, PPKHT 2004 Orang Belum Dewasa adalah dilarang merokok, mengunyah, membeli atau mempunyai dalam milikannya apa-apa hasil tembakau, sama ada untuk kegunaan sendiri atau tidak. Orang Belum Dewasa yang didapati melakukan kesalahan ini boleh dirampas apa-apa hasil tembakau termasuk cecair rokok elektronik di dalam milikan mereka dan akan menerima notis kesalahan serta boleh didenda tidak melebihi RM1,000.

Pihak KKM menasihatkan pengilang, pengedar / penjual untuk menghentikan serta merta sebarang aktiviti pengilangan, pengedaran dan penjualan sebarang persediaan termasuk cecair rokok elektronik yang mengandungi Nikotin. Orang ramai juga dinasihatkan bahawa sebarang bentuk tabiat merokok sama ada menggunakan rokok konvensional atau rokok elektronik adalah membahayakan

kesihatan. Pihak Ibubapa juga diminta untuk sama-sama mengawasi anak-anak agar tidak terlibat di dalam masalah penggunaan rokok serta rokok elektronik.

Adalah diingatkan penggunaan rokok elektronik sebagai rawatan berhenti merokok masih memerlukan kajian lanjut dan sehingga kini pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia belum mengeluarkan mana-mana kenyataan berkaitan perkara ini. Oleh yang demikian mereka yang ingin berhenti merokok adalah diminta untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Kesihatan Negeri terdekat ataupun melayari laman web www.jomquit.moh.gov.my .

Langkah-langkah yang diambil ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kesalahan berkaitan aktiviti pengedaran dan penjualan sebarang bentuk persediaan yang mengandungi nikotin. Langkah ini juga adalah sebagai satu usaha untuk meningkatkan kesedaran rakyat akan bahaya merokok termasuk merokok rokok elektronik.

Orang ramai dan pihak media boleh mengemukakan aduan dan menyalurkan maklumat berkenaan penjualan cecair rokok elektronik mengandungi Nikotin kepada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia atau melalui laman sesawang <http://www.pharmacy.gov.my> / ATAU mana-mana Cawangan Penguatkuasa Farmasi yang berdekatan ATAU melalui talian 03-78413200 agar tindakan sewajarnya dapat diambil oleh pihak KKM bagi membanteras penjualan produk ini di pasaran. Bagi kesalahan-kesalahan lain di bawah PPKHT 2004 terutama Peraturan 13 yang berkaitan dengan larangan merokok di kalangan Orang Belum dewasa sebarang aduan boleh disalurkan kepada Sektor Kawalan Tembakau dan Urusetia FCTC di talian aplikasi Whatsapp 010-8608949 atau menghubungi talian kami di 03-88924530.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

23 Ogos 2019

GAMBAR-GAMBAR SEWAKTU SESI OPERASI



